

07/02/2001

Muhibah kita jadi tarikan istimewa LTdL

Zairee Zahir

CABARAN pertama Le Tour de Langkawi 2001 (LTdL) sudah bermula dan seperti juga di dalam medan saingan, acara sampingan membabitkan persembahan pelbagai kebudayaan yang ada di negara ini turut menarik perhatian.

Bagi rakyat negara ini, mungkin ia sudah biasa disaksikan tetapi bagi pelumba, pegawai dan petugas media luar negara, ia adalah satu kesempatan yang dinantikan.

Jarang dapat mereka saksikan pelbagai persembahan berbeza daripada pelbagai rumpun kaum di Malaysia. Sering kali mereka terpegun melihat keunikan itu kerana rasa kagum memang terpancar di wajah mereka selepas melihat secara dekat kebudayaan masyarakat Malaysia.

Acara sampingan seperti ini sebenarnya tidak diadakan di mana-mana jelajah besar tahunan di luar negara. Kalau ada pun, acara sampingannya lebih kepada persembahan bercorak hiburan masa kini.

Begitulah hendaknya kerana LTdL itu yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempunyai maksud serampang dua mata iaitu pelancongan sukan atau sports tourism - meningkatkan mutu sukan berbasikal itu sendiri dan memperkenalkan produk pelancongan di negara ini.

Komitmen secara langsung yang ditunjukkan kerajaan menerusi pelbagai agensinya di peringkat pusat, negeri dan daerah, adalah sesuatu yang membanggakan kerana rata-rata petugas media asing mengakui, ia sesuatu yang luar biasa.

Senyuman manis, layanan mesra dan keramahan yang ada di bumi Malaysia - dari penganjurnya hinggalah kepada penonton yang berbaris memberi sorakan di sepanjang laluan sepanjang 12 peringkat perlumbaan, memikat orang luar.

Pihak swasta yang menjadi penaja LTdL juga memainkan peranan sendiri untuk bersama-sama melicinkan penganjuran itu sehingga akhirnya LTdL diakui adalah antara perlumbaan terbaik di dunia.

Bukanlah kita mahu memuji diri sendiri tetapi itulah hakikatnya - LTdL yang baru memasuki tahun keenamnya diiktiraf satu pesta sukan tahunan peringkat nasional.

Walaupun tarikhnya terlalu awal dan di luar musim perlumbaan pasukan profesional, banyak pasukan yang berlumba-lumba untuk datang lagi sehingga sanggup memohon awal, malah ada yang rela membiayai tiket penerbangan sendiri.

Ia cukup berbeza dengan penganjuran di luar negara di mana hanya sedikit bantuan dihulurkan menerusi jabatan polis trafik untuk mengawal lalu lintas di kawasan laluan perlumbaan, manakala selebihnya dikendalikan penganjur sendiri.

Pengalaman ketika membuat liputan jelajah berbasikal di salah sebuah negara jiran tiga tahun lalu adalah bukti yang penulis dapat rasai untuk dijadikan perbandingan.

Di sana, penganjurannya yang bermotif komersil tidak mendapat sokongan penuh kerajaan menyebabkan keadaan menjadi begitu kelam kabut apabila perlumbaan memasuki daerah berasingan setiap hari.

Kawalan keselamatan begitu longgar dan sikap penduduk tempatan terhadap pelumba luar negara juga agak kurang menyenangkan, seolah-olah sukan itu terpisah daripada matlamatnya.

Keadaan persekitaran yang tidak selesa itu hanya sekadar menakutkan pengunjung luar. Akhirnya jemputan daripada penganjur pada tahun berikutnya dipandang dingin dan tidak berjawab.

Apabila penganjuran tidak mendapat sokongan dan dianjurkan semata-mata

untuk keuntungan satu pihak dan tidak lagi berlandaskan kepada sukan itu sendiri, akhirnya sendiri yang rugi.

Harap-harap rekod cemerlang Malaysia dalam penganjuran sukan selama ini berterusan.

(END)